



Ruj. Kami : JKMM/TAPEM/600-9/4/1
Tarikh : 3 September 2021

Kepada siapa yang berkenaan

Tuan/Puan,

BORANG PERMOHONAN BANTUAN ONE OFF SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Melaka melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) menyediakan Bantuan One Off peringkat pengajian seperti berikut:-

- 2.1 **Permohonan Bantuan One Off (IPTA/IPTS);**
 - Diploma (RM300)
 - Ijazah (RM400)
 - Sarjana (RM400)
 - PhD (RM400)
- 2.2 **Permohonan Bantuan One Off (KUIM) ASNAF;**
 - Diploma (RM1,000)
 - Ijazah (RM1,000)
 - Sarjana (RM1,000)
 - PhD (RM1,000)
- 2.3 **Permohonan Bantuan One Off (MICOST) ASNAF;**
 - Diploma (RM1,000)
 - Ijazah (RM1,000)

Setiap permohonan kemasukan kali pertama untuk setiap satu tahap pengajian sahaja. **Syarat-syarat kelayakan seperti di lampiran.**

3. Bersama-sama ini sertakan **Borang Bantuan One Off** seperti berikut;-

- 3.1 **50 Borang Permohonan Bantuan One Off (Borang Biru)**
- 3.2 **20 Borang Permohonan Bantuan One Off Untuk Pelajar KUIM (Borang Pink)**
- 3.3 **20 Borang Permohonan Bantuan One Off Untuk Pelajar MiCoST (Borang Hijau)**

4. Sehubungan dengan itu, permohonan boleh dibuat melalui dua kaedah iaitu secara online mahupun manual;-

4.1 **Permohonan secara manual melalui borang permohonan yang boleh didapati di tempat berikut;**

4.1.1 Pejabat TAPEM

4.1.2 Pejabat Japerun

4.2 **Permohonan Secara Online juga dibuat melalui etapem(seperti dikongsikan di bawah) dengan mengikut langkah berikut;**

4.2.1 Isikan borang permohonan secara online di <https://tapemonline.melaka.gov.my>

Langkan permohonan;

- i) Klik pendaftaran (untuk dapatkan id pengguna dan katalaluan)
- ii) Log masuk menggunakan id dan katalaluan seperti dalam pendaftaran.
- iii) Pilih modul Bantuan IPT sub modul permohonan.
- iv) Klik permohonan baru dan isi secara online serta simpan.
- v) Cetak borang pemohon (bantuan one off) dan dokumen sokongan yg telah disahkan ke pejabat Tapem

4.2.2 sila pastikan pemohon telah log masuk ke akaun google etapem bagi mengisi borang permohonan secara online

***Note:** Bagi yang mempunyai masalah permohonan secara online boleh menghubungi **TAPEM 06-3333333 – samb. 3207/3211**

5. Oleh yang demikian kami memohon kerjasama tuan/puan agar dapat memaklumkan perkara tersebut di atas kepada pelajar-pelajar berkenaan. Kerjasama serta keprihatinan tuan/puan amatlah di hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


v/p (DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA)
Pengurus Besar
Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka



**TABUNG AMANAH PENDIDIKAN NEGERI MELAKA (TAPEM)
BORANG PERMOHONAN BANTUAN (ONE OFF) INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)
KERAJAAN NEGERI MELAKA**

1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 1.1 Pemohon lahir di negeri Melaka dan
- 1.2 Ibu atau bapa pemohon lahir di negeri Melaka dan
- 1.3 Bermastautin di Negeri Melaka dan
- 1.4 Pengundi di Negeri Melaka.
- 1.5 Telah diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- 1.6 Permohonan boleh dibuat bagi kemasukan kali pertama untuk setiap satu tahap pengajian sahaja.
- 1.7 Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh pendaftaran di IPT.
- 1.8 Pemohon layak dipertimbangkan jika ibu bapa merupakan penjawat awam atau anggota pasukan beruniform telah berkhidmat dan telah bermastautin lebih 10 tahun di negeri Melaka serta disahkan oleh Majikan dan;
- 1.9 Pemohon (BUKAN LAHIR DI MELAKA) layak dipertimbangkan telah bermastautin lebih 10 tahun di negeri Melaka **serta lampirkan 1 salinan sijil berhenti sekolah rendah dan sekolah menengah disahkan oleh Pegawai Kerajaan (Gred 41 ke atas) / Pengerusi Japerun /Pengerusi Penyelaras Japerun / Penghulu / Pengerusi JPKK / Sidang .**
- 1.10 Pemohon yang ibu bapanya bukan warganegara Malaysia tidak layak dipertimbangkan.
- 1.11 Permohonan Yang Tidak Lengkap Dan Tidak Mengikut Syarat, Permohonan Tidak Di Pertimbangkan.

2. MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- 2.1 Sekiranya pembayaran tidak diterima melebihi tempoh **dua bulan** permohonan maka dianggap **tidak berjaya**.
- 2.2 Sila lampirkan salinan dokumen berikut yang telah disahkan oleh **Pegawai Kerajaan (Gred 41 ke atas) / Pengerusi Japerun / Pengerusi Penyelaras Japerun / Penghulu / Pengerusi JPKK / Sidang** seperti :-
 - i. **2 Salinan Kad Pengenalan/MyKad pemohon.**
 - ii. 1 Salinan Sijil Lahir pemohon.
 - iii. 1 Salinan Kad Pengenalan ibu bapa pemohon.
 - iv. 1 Salinan Surat Tawaran Kemasukan IPT serta mempunyai tarikh pendaftaran ke masukan IPT
 - v. **2 Salinan Buku Akaun/Penyata Bank/Surat Pengesahan Pembukaan Akaun pemohon.**
 - a) **Akaun bank yang aktif sahaja**
 - b) **Akaun Bersama tidak dibenarkan.**
 - c) **Pastikan nama dan nombor akaun jelas.**
 - vi. 1 Salinan sijil berhenti sekolah rendah dan 1 salinan sijil berhenti sekolah menengah pemohon.
 - vii. 1 Salinan bidang pengajian yang mempunyai **MALYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY (MQA)**
- 2.3 Borang permohonan melalui **Online/ manual** yang telah lengkap hendaklah di **cetak** dan telah **disahkan** seperti di atas, **(di para 2.2)** hendaklah di hantar kepada Pengurus Besar Pejabat Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka, No.34-4 Tingkat 4, Bangunan Kota Cemerlang, Lebuhraya Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. (No. Telefon : 06-333 3333 sambungan 3214/7550)
- 2.4 Borang permohonan **KUIM** melalui **Online / manual** yang telah lengkap hendaklah di **cetak** dan telah **disahkan** seperti di atas, **(di para 2.2)** hendaklah di hantar kepada **Bendahari KUIM**
- 2.5 Borang permohonan **MiCOST** melalui **Online / manual** yang telah lengkap hendaklah di **cetak** dan telah **disahkan** seperti di atas, **(di para 2.2)** hendaklah di hantar kepada **MiCOST**